

24 MAR 1996

UMNO - Memorandum

ANGGOTA UMNO KEDAH MAHU OSMAN AROFF KEKAL MENTERI BESAR

ALOR SETAR, 24 Mac (Bernama) -- Dua puluh dua Anggota Dewan Undangan Negeri Kedah dari UMNO meminta Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengekalkan Tan Sri Haji Osman Aroff sebagai Menteri Besar.

Mereka berkata bahawa mereka tidak bersetuju jika Perdana Menteri membuat keputusan memilih anggota Dewan Undangan negeri bagi Kuah, Datuk Seri Sanusi Junid atau siapa sahaja mengambil alih jawatan itu.

Kesemua 22 anggota itu menyatakan kata sepakat dalam memorandum yang dirumuskan pada mesyuarat di sini 21 Mac lepas. Memorandum itu telah dikemukakan kepada Dr Mahathir selaku Presiden UMNO pada Jumaat.

UMNO Kedah mempunyai 26 wakil dalam Dewan Undangan Negeri.

Ura-ura kononnya Sanusi mungkin dilantik ke jawatan itu bermula sejak bekas Menteri Pertanian itu bertanding bagi kerusi negeri di Kuah pada pilihan raya umum April tahun lepas.

Mereka yang menandatangani memorandum ialah Speaker Dewan Undangan Negeri Datuk Zainal Mad Isa (Kupang), Setiausaha Badan Perhubungan UMNO Kedah Datuk Paduka Abdul Rahman Ibrahim (Tanjung Seri), Abdul Rahman Ariffin (Ayer Hitam), Abdullah Hasnan Kamaruddin (Anak Bukit), Syeikh Alias Mustapha (Langgar), Abdul Razak Hashim (Guar Chempedak) dan Timbalan Speaker Ghazali Ibrahim (Pedu).

Yang lain ialah Badri Yunus (Tanjung Dawai), Fatimah Ismail (Sungai Tiang), Mohamed Sibi Ahmad (Bayu), Che Pora Omar (Merbau Pulas), Abu Hassan Sarif (Kota Siputeh), Barishah Saad (Tunjang), Abdul Lateh Mohamed Saman (Kuala Nerang), Ketua Pemuda Kedah Ahmad Lebai Sudin (Bukit Lada), Ahmad Bashah Mad Hanipah (Alor Merah), Mohamed Jamil Idross (Pengkalan Kundor), Hamlan Din (Belantek), Mohamed Hadzir Jaafar (Jeneri), Jamaluddin Yusuff (Pantai Merdeka), Mohamed Hadzir Ismail (Kuala Ketil) dan Muhamad Fishol Said (Bandar Baharu).

Sanusi dijemput menghadiri mesyuarat itu tetapi tidak hadir. Anggota Dewan Undangan Negeri kawasan Padang Matsirat Hassan Bulat dan Osman (Jitra) tidak hadir mesyuarat manakala anggota Dewan kawasan Kubang Rotan Syed Razak Syed Zain tidak hadir kerana tugas rasmi di luar.

Memorandum itu dibacakan oleh Datuk Zainal pada persidangan berita di Bangunan Tunku di sini hari ini.

Menurut dua puluh dua anggota UMNO itu, mereka membuat keputusan itu tanpa dipengaruhi sebarang dorongan, tekanan, hasutan atau paksaan kecuali kesedaran sendiri demi menjaga maruah serta martabat UMNO Kedah.

Dalam memorandum itu, mereka berkata: "Kami, anggota Dewan Undangan negeri Kedah telah menemui Perdana Menteri bagi menyatakan pendirian kami iaitu berdiri teguh bersama kepimpinan negeri sekarang.

Kesemua 19 ADUN yang menandatangani memorandum hadir hari ini. Yang tidak hadir ialah Abdullah Hasnan, Ahmad Lebai Sudin dan Abdul Rahman Ariffin.

Pada persidangan berita itu, Zainal menjelaskan mereka telah membincangkan perkara itu dengan mendalam dan mencapai keputusan untuk menyatakan sokongan padu kepada Osman.

"Kami berpendapat beliau telah berjaya meletakkan Kedah pada kedudukan yang cemerlang dari segi politik dan ekonomi. Sifat sederhana beliau membuatnya mudah diterima dan disenangi oleh semua pihak," tambahnya.

Menurutnya, kesemua anggota terbabit berharap Dr Mahathir akan menimbang keputusan itu dan jika berhasrat untuk menukar pucuk pimpinan, ia sebaiknya dilaksanakan dalam tempoh pilihan raya akan datang.

Beliau berkata, mereka berpendapat bahawa pucuk pimpinan negeri ini tidak perlu diubah lagi. -- BERNAMA
MFJ